



# UMS bakal wujud hospital universiti

» *Kemudahan kampus bantu perkembangan program perubatan*

■ Kota Kinabalu

**S**ebuah hospital universiti bakal diwujudkan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) tidak lama lagi.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Mohd Harun Abdullah,

berkata projek yang akan dibina dalam kampus itu akan mempunyai 400 katil dan sudah diluluskan Kabinet.

Hospital itu akan turut memberi kemudahan kepada sesi pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan kepada perkembangan program perubatan di UMS.

**Jalani latihan di Sandakan**

“Pada masa kini pelajar terpaksa menjalani latihan di Sandakan dan di sekitar Kota Kinabalu dan ini menjadi masalah,” katanya pada sidang media selepas merasmikan

Hari Kesedaran Pengurusan Bencana dan Kecemasan di kampus utama UMS di sini, semalam.

**Beri tumpuan**

“Dengan adanya hospital ini, pihak universiti percaya ia akan dapat membantu pelajar memberi tumpuan kepada latihan mereka. Ia juga akan memberi kemudahan perubatan khusus di negeri ini,” katanya.

Mohd Harun berkata Sekolah Perubatan UMS kini mempunyai kira-kira 500 orang pelajar.

**BERNAMA**

“  
Projek yang akan dibina dalam kampus itu akan mempunyai 400 katil dan sudah diluluskan Kabinet”

**Mohd Harun Abdullah,**  
Naib Canselor UMS